

B547
MAHATHIR - CUKAI

1982

ALOR SETAR, 26 FEB. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBEBANKAN RAKYAT BIASA DENGAN CUKAI YANG TINGGI BAGI Mencari wang untuk projek-projek pembangunan.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN AKAN TERUS MEMUNGUT CUKAI YANG TINGGI DARI SYARIKAT-SYARIKAT DAN LADANG-LADANG BESAR SERTA ORANG-ORANG YANG KAYA UNTUK MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK ITU, KATA PERDANA MENTERI SEMASA MENASMIKAN JAMBATAN KUALA NERANG BERHARGA LEBIH \$1 JUTA DI KUALA NERANG, KIRA-KIRA 40KM DARI SINI HARI INI.

BELIAU MENAMBAH KERAJAAN SEDAR YANG RAKYAT SENDIRI TIDAK MAMPU UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK SEPerti PEMBINAAN SEKOLAH, JALANRAYA DAN BEKALAN LETRIK DENGAN PERBELANJAAN SENDIRI.

+UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS, KERAJAAN MENGENAKAN KUTIPAN CUKAI YANG TINGGI KEPADA YANG KAYA DAN HASILNYA DISALURKAN PULA KEPADA RAKYAT MISKIN MELALUI PROJEK-PROJEK ITU,+ KATANYA. --BERSAMBUNG 1419/AH

B548
MAHATHIR - CUKAI 2 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK BERNIAT +MENGHAPUSKAN+ SYARIKAT-SYARIKAT ATAU ORANG-ORANG YANG KAYA KERANA MEREKA YANG PANDAI BERNIAGA INI DIPERLUKAN BAGI KERAJAAN MENDAPATKAN LEBIH BANYAK CUKAI UNTUK DIBERI PULA KEPADA RAKYAT.

+RAKYAT BIASA JUGA MEMBAYAR CUKAI TETAPI JUMLAHNYA ADALAH SEDIKIT+, KATANYA.

KERAJAAN MENGELUARKAN PERBELANJAAN YANG BANYAK UNTUK MENYEDIAKAN BERBAGAI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT DENGAN TUJUAN MEMBOLEHKAN RAKYAT HIDUP DALAM KEADAAN SEMPURNA DAN BAHAGIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, USAHA-USAHA KERAJAAN TIDAK HANYA TERTUMPU KEPADA PEMBANGUNAN FIZIKAL KERANA IA TIDAK SEKALI-KALI MELUPAKAN KEPENTINGAN ROHANIAH.

INI ADALAH KERANA SEBILANGAN BESAR RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARI UMAT ISLAM DAN JUGA ISLAM MERUPAKAN AGAMA RASMI MALAYSIA. --BERSAMBUNG 1422/AH

MAHATHIR - CUKAI 3 ALOR SETAR

KERAJAAN JUGA SEDAR ADA ORANG YANG MENKRITIK KERAJAAN KONONNYA IA TIDAK MENAMBAHKAN HUKUM-HUKUM ISLAM.

+YANG ANIHNYA, ORANG-ORANG YANG MENKRITIK INI MENDAPAT PELAJARAN AGAMA MASING-MASING HASIL DARI USAHA KERAJAAN SENDIRI MENERUSI SEKOLAH-SEKOLAH SERTA PONDOK-PONDOK YANG MEREKA BERPELUANG BELAJAR, + KATANYA.

ORANG-ORANG INI, TEGASNYA, NAMPAK KERAJAAN TIDAK MENGUTAMAKAN ISLAM PADAHAL KALAU TIDAK DISEBABKAN USAHA KERAJAAN, MEREKA SENDIRI TIDAK BERPELUANG MENDAPAT PELAJARAN AGAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT DI NEGARA INI SUPAYA INSAF TENTANG NASIB BAIK MEREKA DAN BERUSAHA MENENTUKAN IA TERUS DI-KEKALKAN.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU, DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT KEDAH DIBERI PERUNTUKAN SEBANYAK \$2,300 JUTA BERBANDING DENGAN \$98 JUTA UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DAN \$830 JUTA UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

—BERSAMBUNG 1426/AH

B550

MAHATHIR - CUKAI 4 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN KERAJAAN PUSAT TIDAK DAPAT MEMBERI PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BANYAK KEPADA KERAJAAN NEGERI SEPERTI YANG DIKEHENDAKINYA KERANA PUNGUTAN HASIL CUKAI BAHAN-BAHAN SEPERTI GETAH, BIJIH TIMAH DAN KELAPA SAWIT MEROSOT.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED NAHAR SAHABUDDIN MENGETUAI HAMPIR 10,000 ORANG PENDUDUK TEMPATAN MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PERDANA MENTERI DENGAN SEBUAH HELIKOPTER TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI SYED NAHAR KEMUDIAN DIARAH DALAM SEBUAH KERETA BERHIAS SEJAUH SETENGAH KM UNTUK UPACARA PERAS- MIAN JAMBATAN TERSEBUT, YANG AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA KIRA- KIRA 20,000 ORANG PENDUDUK KUALA NERANG DAN PADANG SANAI.

TURUT HADIR DIMAJLIS TERSEBUT IALAH MENTERI KERJA RAYA DAN KEMUDAHAN AWAM, DATUK S.SAMY VELLU SERTA PEMBESAR-PEMBESAR NEGERI.

—BERNAMA 1430/AH